



MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU

GARIS PANDUAN PERMIT BANGUNAN SEMENTARA

**JABATAN BANGUNAN
MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU,
KOMPLEKS PENTADBIRAN KUBANG PASU
06000 JITRA, KEDAH DARUL AMAN.
TEL: 04-918 3300 FAKS: 04-917 4057**

TARIKH KUATKUASA : APRIL 2021

1. PENGENALAN

- i. 'Bangunan Sementara' termasuklah sesuatu bangunan yang dibina keseluruhannya atau sebahagiannya daripada bahan-bahan yang, jika tidak dijaga secara istimewa, mungkin cepat rosak atau selainnya, tidak sesuai untuk digunakan bagi pembinaan bangunan kekal dan boleh meliputi sesuatu rumah atau bangunan yang pembinaannya dibenarkan dibawah Lesen yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan, bagi sesuatu tempoh terhad yang akan ditetapkan dan apabila tamat tempoh itu bangunan tersebut hendaklah dirobohkan.

2. PUNCA KUASA / ASAS PERUNDANGAN

- i. Akta Kerajaan Tempatan, 1976 [Akta 171]
- ii. Akta Perancang Bandar Dan Desa 1976 [Akta 172] & Perintah
- iii. Akta Jalan Parit Dan Bangunan 1974 [Akta 133]
- iv. Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 [Pindaan 2019]
- v. Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan Dan Kemudahan Pekerja 1990 [Akta 446]

3. OBJEKTIF PELESENAN

- i. Memastikan setiap pembangunan selaras dengan zoning yang telah ditetapkan oleh Plan Malaysia serta dapat mengawal selia dari aspek keselamatan/kesejahteraan serta had masa sesuatu permit yang telah dikeluarkan.
- ii. Merancang semula pembangunan bandar dan luar bandar dengan lebih komprehensif untuk jangka pendek dan jangka panjang.
- iii. Merencanakan perkembangan sosial-ekonomi.

4. MAKLUMAT PEGAWAI / JABATAN UNTUK DIHUBUNGI

- i. **JABATAN OSC**
- ii. **JABATAN BANGUNAN**
 - Hadzri Bin Hashim (Arkitek)
 - Kamal Khir Bin Abd Malik (Pen. Pegawai Senibina)

5. KETERANGAN PELESENAN / SKOP KERJA YANG DILESENKAN

- i. Bangunan/premis yang pada asas sementara:
 - a. Rumah Kongsi /Rumah Pekerja (Tapak Bina)
 - b. Kontenna/Cabin.
 - c. Pondok @ Bangsal.
 - d. Lain-lain bangunan bersifat sementara.

6. MAKLUMAT PELESENAN/ PEMBEKUAN PELESENAN (JIKA BERKAITAN)

- i. Tidak mematuhi mana-mana syarat kelulusan atau syarat-syarat lain yang telah dikeluarkan oleh Jabatan berkaitan serta tidak mematuhi apa-apa arahan daripada PBT dari semasa ke semasa.

7. SIAPA YANG BOLEH MEMOHON/KELAYAKAN PEMOHON/SYARAT ASAS PERMOHONAN

- i. Pihak Perunding/Pelukis Pelan/ Arkitek yang berdaftar.

8. BILA PERLU DIPOHON

- i. Sebelum kerja-kerja tapak @ kerja pembinaan dijalankan.

9. BAGAIMANA CARA HENDAK MEMOHON / KAEDAH PERMOHONAN

- i. Melalui Sistem OSC Online 3.0
: <https://osc3plus.kpkt.gov.my/sp/login>

Nota: Pemohon kali pertama perlu membuat pendaftaran terlebih dahulu.

Sila rujuk manual yang disediakan dalam laman sesawang seperti berikut:

: <https://osc3plus.kpkt.gov.my/pbt/MPKP>

ii. Jabatan OSC (*Jabatan Pusat Setempat*)

- a. Serahan salinan dokumen melalui kaunter Jabatan OSC.
- b. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)
 - Serahan salinan dokumen adalah secara pos ke alamat Jabatan.
Nota* : Tertakluk kepada tempoh pelaksanaan (PKP).

Jabatan Pusat Setempat OSC

Majlis Perbandaran Kubang Pasu,
Kompleks Pentadbiran Daerah Kubang Pasu,
06000 Jitra, **Kedah Darul Aman.**


10. SYARAT-SYARAT/KEPERLUAN PEMATUAN SEBELUM PERMOHONAN

- i. Penyediaan dokumen yang lengkap mengikut senarai semak.

11. SYARAT-SYARAT/KEPERLUAN PEMATUAN SELEPAS PERMOHONAN

- i. Menepati syarat-syarat sepertimana yang telah dimaklumkan.

12. LANGKAH-LANGKAH PERMOHONAN (TERMASUK CARTA ALIR)



13. BORANG PERMOHONAN & SENARAI DOKUMEN SOKONGAN YANG PERLU DIKEMUKAKAN.

RUJUK LAMPIRAN 1 & 2

- i. 2 Salinan Surat permohonan yang ditandatangani oleh pemilik dan juru Perunding / Arkitek / Pelukis Pelan Berdaftar (*Covering Letter*).
- ii. 2 salinan Borang A mengikut Jadual 2 : UKBS 1984 – Perakuan Pelan. [**LAMPIRAN 2**]
- iii. 2 salinan surat Kelulusan Kebenaran Merancang @ Kebenaran Merancang Terhad.
- iv. 2 salinan Jadual Kiraan Hasil Pelan & Resit Bayaran proses pelan mengikut Jadual Pertama: UKBS 1984 atas nama **MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU**.
- v. 2 salinan Laporan tapak & gambar tapak projek (*Laporan tapak mestilah mengandungi lokasi tapak yang ditandakan, tanda arah utara, jalan-jalan utama & gambar tapak yang diambil dari 4 sudut berbeza.*) [Saiz A3@A4].
- vi. 2 salinan surat lantikan perunding.
- vii. 2 salinan Kad Pengenalan Pemilik.
- viii. 2 salinan 'Power Of Attorney [PA] (*jika berkaitan*)
- ix. 2 salinan Carian Rasmi (*3 bulan terkini*)
- x. 2 salinan Surat Hakmilik (*geran tanah*)
- xi. 2 salinan Resit Cukai Tanah (*tahun semasa*)
- xii. 2 salinan dokumen Daftar Tubuh Syarikat(*Form 49 – Jika pemohon sebuah syarikat*)
- xiii. 7 salinan Pelan Bangunan (*Berwarna Saiz A1*)
- xiv. 2 salinan CD Pelan Bangunan (*format AutoCad*) dimasukkan ke dalam sampul yang berlabel (*tajuk permohonan*).

14. MAKLUMAT BAYARAN (FI/ CAJ) YANG DIKENAKAN.

a. Kaedah Bayaran:

- i. Melalui Kaunter Jabatan OSC
- ii. Bayaran melalui cek@Perbankan internet.

No. Akaun : **02039010044401 (Bank Islam Berhad)**

Nama : **Majlis Perbandaran Kubang Pasu.**

Nota* : Sila rujuk pegawai OSC bagi urusan berkaitan

b. Kadar Bayaran:

- i. Yuran proses pelan : Jadual Pertama, [**Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984. (Pindaan 2019).**]
- ii. Cagaran : RM 1,000.00
- iii. Permit Tahunan : Klausa 13 Jadual Pertama [**Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984. (Pindaan 2019).**]
- iv. Gandaan Hasil Pelan : [**(kesalahan di bawah seksyen 70 (13) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974).**]

15. KAEDAH MAKLUM KEPUTUSAN PERMOHONAN/ OUTPUT YANG DIKELUARKAN KEPADA PEMOHON.

- i. Pemakluman melalui sistem OSC 3.0 Plus (Online).
- ii. Surat pemakluman akan dihantar secara pos atau boleh berhubung dengan Jabatan berkaitan untuk serahan kaunter.

16. MAKLUMAT PEMBAHARUAN/ PINDAAN/ PEMBATALAN (JIKA BERKAITAN)

- i. **Pembaharuan:**
 - a. Tempoh Sah Permit 12 bulan dari tarikh permit dikeluarkan, dan perlu diperbaharui setiap tahun dan tertakluk kepada akta-akta yang diperuntukkan.
- ii. **Pindaan:**
 - a. Sekiranya terdapat pindaan pada pelan yang telah diluluskan pemohon perlu mengemukakan permohonan bagi kelulusan pindaan tersebut dengan syarat tempoh Permit belum tamat atau pemohon perlu mengemukakan lanjut tempoh Permit sekiranya Permit tersebut telah tamat tempoh sah sebelum permohonan pindaan dipertimbangkan.
- iii. **Pembatalan:**
 - a. Surat pemakluman akan dikeluarkan sekiranya pihak PBT membatalkan permohonan atau sebarang kelulusan berkaitan merujuk kepada syarat-syarat yang dinyatakan serta tertakluk kepada akta-akta yang diperuntukkan.



JABATAN PUSAT SETEMPAT [OSC]
MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU, 06000 JITRA, KEDAH DARUL AMAN.

SENARAI SEMAK PERMOHONAN PERMIT BANGUNAN SEMENTARA
 [UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM 1984](PINDAAN 2019)

A. MAKLUMAT PERUNDING		NO. TEL/HP	
B. DOKUMEN YANG PERLU DILAMPIRKAN		SEMAKAN	CATATAN
1.	2 Salinan surat lantikan perunding		
2.	2 Salinan Surat permohonan yang ditandatangani oleh pemilik dan juru Perunding / Arkitek / Pelukis Pelan Berdaftar (<i>Covering Letter</i>).		
3.	2 Salinan Borang A mengikut Jadual 2 : UKBS 1984 – Perakuan Pelan		
4.	2 Salinan surat Kelulusan Kebenaran Merancang @ Kebenaran Merancang Terhad.		
5.	2 Salinan Jadual Kiraan Hasil Pelan & Resit Bayaran proses pelan mengikut Jadual Pertama: UKBS 1984 atas nama MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU.		
6.	2 Salinan Laporan tapak & gambar tapak projek (<i>Laporan tapak mestilah mengandungi lokasi tapak yang ditandakan , tanda arah utara, jalan-jalan utama & gambar tapak yang diambil dari 4 sudut berbeza.</i>) [Saiz A3@A4].		
7.	2 Salinan Kad Pengenalan Pemilik		
8.	2 Salinan 'Power Of Attorney [PA] (<i>jika berkaitan</i>)		
9.	2 Salinan Carian Rasmi (<i>3 bulan terkini</i>)		
10.	2 Salinan Surat Hakmilik (<i>geran tanah</i>)		
11.	2 Salinan Resit Cukai Tanah		
12.	2 Salinan dokumen Daftar Tubuh Syarikat (<i>Form 49 – Jika pemohon sebuah syarikat</i>)		
13.	7 salinan Pelan Bangunan (<i>Berwarna Saiz A1</i>)		
14.	2 Salinan CD Pelan Bangunan (format AutoCad) dimasukkan ke dalam sampul yang berlabel (<i>tajuk permohonan</i>)		

Lengkap

Tidak lengkap

Catatan:

.....

.....

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

PEGAWAI OSC:

.....

NAMA:
 JAWATAN:
 TARIKH:

COP JABATAN

--

UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM 1984

BORANG A

PERAKUAN PELAN-PELAN PERUNTUHAN/BANGUNAN/STRUKTUR
(bagi endorsemen atas pelan-pelan untuk dikemukakan untuk diluluskan)
[Undang-undang kecil 2B(2), 3(1)(c) dan 16(2)]

..... 20.....

Kepada Pihak Berkuasa Tempatan,
.....

Saya memperakui bahawa detail-detail dalam pelan-pelan iaitu
.....
atas *Lot/Lot-lotSeksyen.....
jalan bagi
..... adalah menurut
kehendak-kehendak Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 dan saya
setuju terima tanggungjawab penuh dengan sewajarnya

.....
Orang Yang Mengemukakan

Nama
Alamat
No. Pendaftaran
Kelas

*Potong mana yang tidak berkenaan.